

## Stor Pusat Kualiti Alam terbakar 80 peratus

Cecair, bahan mudah terbakar dipercayai punca kebakaran

Oleh Azzman Abdul Jamal  
azzman@bh.com.my

**Seremban:** Sebuah stor berke-  
luasannya 48,000 kaki persegi di Pu-  
sat Kualiti Alam di sini, terbakar  
kira-kira 80 peratus dalam ke-  
jadian pada tengah hari, sema-  
lam.

Jurucakap Jabatan Bomba dan  
Penyelamat Malaysia (JBPM) Ne-  
geri Sembilan berkata, tiada  
mangsa yang terbabit dalam ke-  
jadian itu, dan bomba berjaya  
mengawal api pada jam 3.21 pe-  
tang.

"Seramai 17 pegawai dan an-  
gota dari Balai Bomba dan Pe-  
nyelamat (BBP) Seremban 2 di-  
kejarkan ke lokasi sebaik mene-  
rima panggilan kecemasan pada  
jam 1.03 tengah hari.

"Sebaik tiba pada jam 1.19 te-  
ngah hari, kami mendapati ke-  
bakaran dipercayai membabit-  
kan cecair dan bahan mudah ter-  
bakar," katanya ketika dihubun-  
gi, semalam.

Tinjauan *BH* di lokasi men-  
dapati, polis tidak membenarkan  
sesiapa termasuk pihak media  
masuk ke kawasan berkenaan de-  
ngan melakukan sekatan jalan  
raya satu kilometer dari lokasi  
kejadian.

Selain itu, turut kelihatan pe-  
kerja Pusat Kualiti Alam yang  
berkumpul di kawasan sekatan  
jalan raya selepas diarah keluar  
dari premis berkenaan.



Anggota bomba memadamkan kebakaran sebuah stor di Pusat Kualiti Alam Seremban.

(Foto lhan bomba)

Sementara itu, Kumpulan Ce-  
nviro, iaitu syarikat induk ke-  
pada Pusat Kualiti Alam dalam  
satu kenyataan, mengesahkan  
tiada gas berbahaya dikesan di-  
bebaskan dalam kejadian ke-  
bakaran itu.

Syarikat itu memaklumkan, ia  
berdasarkan hasil pemantauan  
bacaan udara oleh Pasukan Ke-  
sihatan, Keselamatan dan Alam  
Sekitar (HSSE).

Katanya, kejadian yang berla-  
ku pada jam 1.06 tengah hari itu  
turut tidak menyebabkan kero-

sakan besar kepada stor di ba-  
ngunan itu.

"Selain itu tiada kemalangan  
jiwa dilaporkan membabitkan  
kakitangan kerana mereka ter-  
masuk kontraktor berjaya keluar  
dari premis dengan selamat," ka-  
tanya.

Katanya, syarikat itu akan  
memberikan kerjasama kepada  
JBPM, Jabatan Alam Sekitar  
(JAS), Jabatan Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerja (JKKP) serta  
polis dalam mengenal pasti pun-  
ca kejadian.

"Pihak bomba akan memak-  
lumkan punca sebenar kejadian  
nanti dan langkah berjaga-jaga  
yang perlu diambil selepas ini,"  
katanya.

Sementara itu katanya, syari-  
kat akan bekerjasama dengan pi-  
hak berkuasa untuk menjalan-  
kan pemeriksaan terperinci da-  
lam memastikan keselamatan  
premis sebelum memulakan ope-  
rasi.

Beliau berkata, ia juga bertu-  
juan untuk memastikan kesejah-  
tereraan penduduk berhampiran.